

04 FEB 1997

Megat-bebas

14 BEKAS ANGGOTA AL-ARQAM BEBAS DARIPADA TAHANAN ISA

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Sebanyak 13 orang termasuk dua wanita bekas anggota Al-Arqam yang diharamkan akan dibebaskan esok dengan syarat dan seorang tanpa syarat, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob malam ini.

Bekas Timbalan Pengarah Jabatan Tanah dan Pembangunan Koperasi, Ahmad Salim Haji Omar dibebaskan tanpa syarat, katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa Kementerian Dalam Negeri dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bangunan Parlimen di sini.

Mereka yang akan dibebaskan dari tempat tahanan perlindungan Kamunting, Perak dengan syarat ialah Nasiruddin Mohd Ali, Mohd Fakhrudin Arrazi Abdullah, Pahrol Mohamad Juoi, Hashim Ahmad, Hashim Jaafar, Mohd Nizamuddin Asaari dan Jaffar Ahmad.

Yang lain ialah Hashim Mohamed, Tengku Noriah Tengku Abdullah, Azura Md Yusof, Mansor Mohd Noor, Sh Abdul Rahim Sh Ahmad dan Mohamad Abu Bakar.

Megat Junid berkata pembebasan itu menunjukkan bahawa kerajaan amat peka dan fleksibel dalam melaksanakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960.

Megat Junid berkata semasa dalam tahanan, Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan mereka.

Beliau berkata pembebasan itu juga membuktikan bahawa selain tanggungjawab kerajaan dalam soal-soal keselamatan, Kerajaan sentiasa mengambil berat hal-hal agama, kebajikan dan hak asasi manusia.

"Kesemua 14 orang bekas anggota Al-Arqam itu telahpun diberikan kursus pemulihan yang intensif sebelum dibebaskan," katanya.

Ketika ditahan selama enam bulan, bekas anggota pertubuhan itu menjalani pemulihan dan kerajaan bersetuju membebaskan mereka secara bersyarat selepas mereka menyesali tindakan yang lalu dan mahu kembali semula ke dalam "Arus Perdana" masyarakat Malaysia.

Mereka juga dikehendaki untuk sama-sama menyertai program kerajaan untuk memulihkan pengikut-pengikut Al-Arqam yang lain.

"Ada antara mereka (yang dibebaskan esok) menawarkan diri menjadi fasilitator bagi kursus-kursus anjuran kerajaan," katanya.

Megat Junid juga berkata pembebasan itu untuk memberi kesempatan kepada mereka membina hidup baru bersama-sama keluarga.

Katanya mereka yang dibebaskan secara bersyarat itu, dikehendaki mematuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Timbalan Menteri Dalam Negeri itu bagaimanapun tidak pula menjelaskan syarat-syarat yang dikenakan yang perlu dipatuhi itu.

Majlis Fatwa Kebangsaan mengharamkan Ajaran Aurad Muhammadiyah yang menjadi teras amalan bekas kumpulan Al-Arqam pada 5 Ogos 1994 dan Kementerian Dalam Negeri mengharamkan kumpulan itu pada 25 Ogos tahun yang sama sebagai sebuah pertubuhan berdasarkan Seksyen 5(1) Akta Pertubuhan 1966.

Sehubungan itu 10 bekas anggota Al-Arqam dikenakan Perintah Sekatan di bawah ISA yang masih kekal sehingga sekarang.

Bagaimanapun setahun kemudian beberapa bekas anggota kumpulan itu cuba menghidupkan semula kumpulan itu dan ini menyebabkan Kerajaan bertindak menahan 14 bekas anggotanya di bawah ISA tahun lepas.

-- BERNAMA

SJA MT AHH